



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***HUBUNGAN ANTARA KEPRIHATINAN KERJAYA, ORIENTASI
MATLAMAT KENDIRI DAN SOKONGAN SOSIAL DENGAN PERSEPSI
KEBOLEHSUAIAN KERJAYA PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL
DI SELANGOR, MALAYSIA***

ZULHAZMI BIN ZAHARI

FPP 2021 1



**HUBUNGAN ANTARA KEPRIHATINAN KERJAYA, ORIENTASI
MATLAMAT KENDIRI DAN SOKONGAN SOSIAL DENGAN PERSEPSI
KEBOLEHSUAIAN KERJAYA PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL
DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

ZULHAZMI BIN ZAHARI

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Master Sains**

Februari 2021

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**HUBUNGAN ANTARA KEPRIHATINAN KERJAYA, ORIENTASI
MATLAMAT KENDIRI DAN SOKONGAN SOSIAL DENGAN PERSEPSI
KEBOLEHSUAIAN KERJAYA PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL
DI SELANGOR, MALAYSIA**

Oleh

ZULHAZMI BIN ZAHARI

Februari 2021

Pengerusi : Mohd Khaizer bin Omar, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kemahiran untuk bekerja adalah penting bagi mencorakkan pasaran pekerjaan dalam Revolusi Perindustrian 4.0. Kini, seseorang individu perlu mempunyai kemahiran dalam menyesuaikan diri dengan pekerjaan. Era Revolusi Perindustrian Keempat yang bercirikan teknologi digital dan automasi memerlukan individu yang berkebolehan dan berkemahiran dalam pekerjaan. Walau bagaimanapun, berlaku peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan graduan kolej vokasional. Sehubungan itu, kajian berbentuk kolerasi ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara keprihatinan kerjaya, orientasi matlamat sendiri, sokongan sosial, dan kebolehsuaian kerjaya, serta peramal-peramal signifikan kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan pelajar tahun akhir program diploma kolej vokasional di Selangor. Kajian kuantitatif ini menggunakan sampel seramai 226 orang pelajar dari lapan kolej vokasional di Selangor yang telah dipilih secara persampelan rawak berstrata daripada kalangan pelajar yang mengikuti bidang pengajian berbeza. Borang soal selidik berskala likert telah digunakan untuk mengumpul data sampel kajian. Statistik deskriptif (min dan sisihan piawai) dan statistik inferens telah digunakan untuk menganalisis data kajian berdasarkan persoalan-persoalan kajian yang telah dibentuk. Hasil kajian mendapati bahawa tahap kebolehsuaian kerjaya pelajar berada pada tahap yang sederhana ($M = 4.16$, $SP = 0.37$). Dapatan menunjukkan bahawa hubungan antara keprihatinan kerjaya terhadap kebolehsuaian kerjaya adalah positif yang kuat ($r = 0.536$, $p < 0.05$) manakala orientasi matlamat sendiri ($r = 0.401$, $p < 0.05$), dan sokongan sosial ($r = 0.451$, $p < 0.05$) terhadap kebolehsuaian kerjaya pelajar-pelajar kolej vokasional adalah positif yang sederhana. Dapatan juga menunjukkan bahawa keprihatinan kerjaya, orientasi matlamat sendiri, dan sokongan sosial adalah peramal-peramal signifikan kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan pelajar kolej vokasional di Selangor dengan menyumbang sebanyak 36.5%. Kajian menyarankan agar bahagian Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV) dengan kerjasama para pendidik dan kaunselor perlu meningkatkan lagi usaha dengan menyampaikan kepentingan kebolehsuaian kerjaya

dan turut merangka program yang dapat mengoptimumkan pelaksanaan strategi-strategi yang berkaitan dengan aspek keprihatinan kerjaya masa hadapan, orientasi matlamat sendiri, dan sokongan sosial untuk memperkasakan lagi kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan pelajar.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

RELATIONSHIP BETWEEN CAREER CONCERNS, PERSONAL GOAL ORIENTATION, SOCIAL SUPPORT AND THE PERCEPTION OF CAREER ADAPTABILITY AMONG VOCATIONAL COLLEGE STUDENTS IN SELANGOR, MALAYSIA

By

ZULHAZMI BIN ZAHARI

February 2021

Chairman : Mohd Khaizer bin Omar, PhD
Faculty : Educational Studies

Employment skill is an important trait in the Industrial Revolution 4.0 job market. Today, individuals need to occupy themselves with necessary skills to adapt to the rapid changes in the job environment. The Fourth Industrial Revolution emphasizes technology, and automation which requires an individual to demonstrate individual ability and skills for workforce. In the meantime, there has been an increase in the unemployment rate among vocational college graduates. Thus, this correlation study aims to identify the relationship between career concerns, personal goal orientation, social support, and career adaptability. Significant predictors of the aforementioned variables were analysed towards career adaptability among final year diploma students in vocational colleges in Selangor. Stratified random sampling was used to select 226 final year diploma students enrolled in vocational colleges in Selangor from different fields of studies. A set of questionnaire was developed for data collection purposes. Descriptive statistics (mean and standard deviation) and inferential statistics were employed to analyse the numerical data to answer the formulated research questions. The findings indicated that students' career adaptability were at a moderate level ($M = 4.16$, $SD = 0.37$). The findings showed a positive and high strength relationship between career concerns on career adaptability ($r = 0.536$, $p < 0.05$) while a positive and moderate relationship between personal goal orientation ($r = 0.401$, $p < 0.05$), and social support ($r = 0.451$, $p < 0.05$) with the career adaptability of vocational college students. The findings demonstrated career concerns, personal goal orientation, and social support were the significant predictors of career adaptability among students at vocational college in Selangor contributing to 36.5 %. The study suggested the Technical and Vocational Education and Training (TVET) division, stakeholders, educators, and school counsellors, strive effort to address the importance of career adaptability as well as sequentially developed curriculum that embeds career concerns, personal goal orientation, and social support of teaching and learning to increase students' career adaptability that can be used for their future employment.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan hidayatNya, saya telah dapat menyiapkan penulisan tesis ini sehingga selesai. Bagi menyempurnakan kajian ini saya telah mendapat bantuan dan kerjasama yang begitu baik daripada pelbagai pihak. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka semua yang berkenaan. Budi mereka yang sangat mulia itu hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya.

Pertama sekali, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya Dr. Khaizer bin Omar yang dengan ikhlasnya telah sentiasa membantu, membimbing, dan memberi tunjuk ajar dari awal sehinggalah tesis ini disempurnakan. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Dr. Rahimah Jamaluddin selaku ahli jawatankuasa penyeliaan atas kerjasama dan dorongan yang sangat memberikan manfaat kepada penulisan saya.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Biasiswa Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memberi saya kemudahan melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana (Hadiah Latihan Persekutuan). Ucapan terima kasih dan penghargaan juga saya tujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV), Kementerian Pendidikan Malaysia, Pengarah-pengarah Kolej Vokasional, Kaunselor-kaunselor KV, Ketua-ketua Jabatan KV, Ketua-ketua Program KV dan juga responden yang terlibat. Tidak dilupakan juga kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya berikan kepada kedua-dua ibu bapa saya Hj. Zahari bin Dollah @ Abdullah dan Almarhumah Hj. Ramlah binti Harun. Tidak lupa juga buat isteri saya Siti Norhidayah Che Musa yang telah memberikan semangat dan galakan, bersabar serta mendoakan kejayaan saya. Terima kasih juga ditujukan kepada anak-anak saya Muhammad Rizq Naufal dan Nur Zara Afeeya kerana telah banyak mengorbankan keselesaan hidup dan terpaksa bersabar sepanjang tempoh saya menyiapkan tesis ini. Kepada adik beradik yang menyokong dan mendoakan kejayaan saya. Begitu juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang bersama-sama melalui pengalaman yang bermakna ini.

Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua yang telah membantu saya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, budi baik dan keikhlasan yang diberikan itu akan saya kenang sepanjang hayat dan Allah S.W.T. jualah yang dapat membalasnya.

Tesis ini telah dikemukakan pada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyerahan adalah seperti berikut:

Mohd Khaizer bin Omar, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rahimah binti Jamaluddin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 14 Oktober 2021

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Zulhazmi bin Zahari, GS52131

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Mohd Khaizer bin Omar

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Dr. Rahimah Jamaluddin

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	8
1.4.1 Objektif Umum	8
1.4.2 Objektif Khusus	8
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Kepentingan Kajian	9
1.7 Skop dan Batasan Kajian	10
1.7.1 Skop Kajian	10
1.7.2 Batasan Kajian	10
1.8 Definisi Konstitutif dan Operasional	10
1.8.1 Kebolehsuaian Kerjaya	10
1.8.2 Keprihatinan Kerjaya	10
1.8.3 Orientasi Matlamat Kendiri	11
1.8.4 Sokongan Sosial	11
1.9 Rumusan	11
2 KAJIAN LITERATUR	12
2.1 Pengenalan	12
2.2 Diploma Vokasional Malaysia Kolej Vokasional	12
2.3 Perubahan Dalam Struktur Kerjaya	13
2.4 Konsep Kebolehsuaian Kerjaya	15
2.4.1 Proses Pendekatan Kebolehsuaian Kerjaya	17
2.5 Pemboleh Ubah- Pemboleh Ubah	19
2.5.1 Keprihatinan Kerjaya	19
2.5.2 Orientasi Matlamat Kendiri	20
2.5.3 Sokongan Sosial	20
2.6 Kajian- Kajian Lepas	21
2.6.1 Tahap Keprihatinan Kerjaya, Orientasi Matlamat Kendiri, Sokongan Sosial dan Kebolehsuaian Kerjaya	21

2.6.2	Hubungan antara Keprihatinan Kerjaya, Orientasi Matlamat Kendiri, Sokongan Sosial dengan Kebolehsuaian Kerjaya	25
2.6.3	Faktor yang Menyumbang Terhadap Kebolehsuaian Kerjaya	27
2.7	Teori Pembinaan Kerjaya	28
2.8	Teori Kerjaya Kognitif Sosial	29
2.9	Teori Kerjaya Jangka Hayat	30
2.10	Kerangka Teoritikal kajian	31
2.11	Kerangka Konseptual Kajian	32
2.12	Rumusan	33
3	METODOLOGI KAJIAN	34
3.1	Pengenalan	34
3.2	Reka Bentuk Kajian	34
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	35
3.4	Instrumen Kajian	42
3.4.1	Bahagian A: Demografi Pelajar	43
3.4.2	Bahagian B: Keprihatinan Kerjaya	43
3.4.3	Bahagian C: Orientasi Matlamat Kendiri	43
3.4.4	Bahagian D: Sokongan Sosial	44
3.4.5	Bahagian E: Kebolehsuaian Kerjaya	44
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	44
3.6	Kajian Rintis	45
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	46
3.8	Analisis Data	48
3.8.1	Analisis Penerokaan Data (APD)	48
3.8.2	Statistik Deskriptif	49
3.8.3	Statistik Inferensi	51
3.9	Rumusan	53
4	DAPATAN KAJIAN	54
4.1	Pengenalan	54
4.1.1	Maklumat Edaran Soal Selidik	54
4.2	Demografi Responden	55
4.3	Tahap Keprihatinan Kerjaya, Orientasi Matlamat Kendiri, dan Sokongan Sosial dalam Kalangan Pelajar Diploma Tahun Akhir Kolej Vokasional di Selangor	56
4.3.1	Tahap Keprihatinan Kerjaya	57
4.3.2	Tahap Orientasi Matlamat sendiri	59
4.3.3	Tahap Sokongan Sosial	62
4.4	Tahap Kebolehsuaian Kerjaya dalam Kalangan Pelajar Diploma Tahun akhir Kolej Vokasional di Selangor	63
4.4.1	Tahap Kebolehsuaian Kerjaya Pelajar	64
4.5	Hubungan Antara Keprihatinan Kerjaya, Orientasi Matlamat Kendiri, dan Sokongan Sosial dengan Kebolehsuaian Kerjaya dalam Kalangan Pelajar Diploma Tahun Akhir Kolej Vokasional di Selangor	66
4.5.1	Hubungan Antara Keprihatinan Kerjaya, Orientasi Matlamat Kendiri, Sokongan Sosial dengan	

	Kebolehsuaian Kerjaya Pelajar Diploma Tahun Akhir Kolej Vokasional di Selangor	66
4.6	Faktor Penyumbang Yang Mempengaruhi Kebolehsuaian Kerjaya dalam Kalangan Pelajar Diploma Tahun Akhir Kolej Vokasional di Selangor	67
4.6.1	Faktor Penyumbang yang Mempengaruhi Kebolehsuaian Kerjaya Tahap Keprihatinan Kerjaya	67
4.7	Rumusan	70
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	71
5.1	Pengenalan	71
5.2	Rumusan Kajian	71
5.3	Perbincangan Kajian	72
5.3.1	Tahap Keprihatinan Kerjaya	72
5.3.2	Tahap Orientasi Matlamat Kendiri	75
5.3.3	Tahap Sokongan Sosial	77
5.3.4	Tahap Kebolehsuaian Kerjaya	80
5.3.5	Hubungan Faktor Peramal	83
5.3.6	Menentukan Faktor Peramal Yang Menyumbang Kepada Kebolehsuaian Kerjaya Pelajar Diploma Kolej Vokasional di Selangor	88
5.4	Kesimpulan Kajian	90
5.5	Implikasi Kajian	91
5.6	Cadangan Terhadap Kajian dan Penyelidikan Lanjutan	92
5.7	Penutup	93
	RUJUKAN	94
	LAMPIRAN	109
	BIODATA PELAJAR	134
	SENARAI PENERBITAN	135

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat	
3.1	Taburan Pelajar Diploma Tahun Akhir Kolej Vokasional di Selangor	36
3.2	Bilangan Sampel Mengikut Perkadaran Mengikut Kolej Vokasional Taburan Pelajar Diploma Tahun Akhir Kolej Vokasional di Selangor	39
3.3	Taburan Sampel Satiap Program Kolej Vokasional	40
3.4	Taburan Item Soal Selidik Kajian	44
3.5	Taburan Item Soal Selidik Kajian	46
3.6	Prosedur Pengumpulan Data Kajian	47
3.7	Nilai Kepencongan (Skewness) dan Kurtosis bagi Pemboleh Ubah (N=226)	48
3.8	Prosedur Pengiraan Tahap Pemboleh Ubah	50
3.9	Interpretasi Skor Min Keprihatinan Kerjaya	50
3.10	Interpretasi Skor Min Orientasi Matlamat Kendiri	51
3.11	Interpretasi Skor Min Sokongan Sosial	51
3.12	Interpretasi Skor Min Kebolehsuaian Kerjaya	51
3.13	Pekali Kolerasi Pearson	52
3.14	Analisis Statistik Kajian	52
4.1	Profil Demografi Responden ($n = 226$)	56
4.2	Keseluruhan min dan sisihan piawai (N=226)	57
4.3	Tahap Keprihatinan Kerjaya (N=226)	58
4.4	Tahap Orientasi Matlamat Kendiri (N=226)	60
4.5	Tahap Sokongan Sosial (N=226)	63
4.6	Tahap Kebolehsuaian Kerjaya Berdasarkan Persepsi Responden (N=226)	64
4.7	Nilai Hubungan Kolerasi	66

- 4.8 Ujian Kolerasi Pearson bagi Hubungan Keprihatinan Kerjaya, Orientasi Matlamat Kendiri, Sokongan Sosial dengan Kebolehsuaian Kerjaya Pelajar Diploma Tahun Akhir Kolej Vokasional di Selangor 67
- 4.9 Analisis Regresi Pelbagai Antara Faktor Keprihatinan Kerjaya, Orientasi Matlamat Kendiri, dan Sokongan Sosial Terhadap Kebolehsuaian Kerjaya (N = 226) 69



SENARAI SINGKATAN

BPLTV	Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
CAAS	Career Adapt-Abilities Scale
CBE	Competency Based Education
CFI-R	Career Future Inventory – Revised
DOSM	Department of Statistics Malaysia
DVM	Diploma Vokasional Malaysia
ICT	Information and Communications Technology
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
IKM	Institut Kemahiran Malaysia
ILO	International Labour Organization
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSM	Kementerian Sumber Manusia
KSKV	Kurikulum Standard Kolej Vokasional
KV	Kolej Vokasional
MEB	Model Ekonomi Baru
MTUN	Malaysian Technical University Network
MQA	Malaysian Qualifications Agency
NKEA	National Key Economic Areas
NOSS	National Occupational Skills Standard
OECD	Organisation for Economic Co-operation and Development
OJT	On Job Training

PBE	Production-Based Education
PLTV	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
PNGK	Purata Nilai Gred Keseluruhan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PTA	Projek Tahun Akhir
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
SPSS	Statistical Package for Social Sciences
SVM	Sijil Vokasional Malaysia
UNESCO	United Nations Educational, Scientific, and Cultural Organization

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sesebuah negara yang pesat membangun belum tentu dapat memastikan semua graduan mendapat peluang pekerjaan. Kesannya, ramai graduan daripada pelbagai latar belakang pendidikan berisiko untuk berhadapan dengan masalah pengangguran. Salah satu faktor yang menyebabkan pengangguran dalam kalangan graduan adalah kerana kurangnya kemahiran kebolehsuaian kerjaya yang menyebabkan mereka tidak mendapat tempat dalam industri pekerjaan. Kerajaan telah mengambil langkah yang positif untuk mencapai status negara maju pada abad ke-21 dengan memberi penekanan terhadap kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan graduan. Seiring dengan arus perubahan teknologi, graduan digalakkan mempunyai pengetahuan dan kemahiran tinggi dalam bidang yang diceburinya serta bersikap positif agar dapat menyesuaikan diri dalam perubahan yang berlaku di tempat kerja.

Bab ini membincangkan secara jelas latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian serta definisi konstitutif dan operasional kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kemampuan menyesuaikan diri dalam kerjaya adalah konstruk psikososial yang merujuk kepada keupayaan individu untuk mengatasi masalah dalam kerjaya semasa, jangkaan tugas pada masa akan datang, peralihan dalam pekerjaan, dan trauma kerja (Savickas, 1997; Tien, Wang, Chu & Huang, 2012). Permintaan terhadap pasaran buruh tempatan dan global yang mampu menyesuaikan diri dengan kerjaya semakin meningkat (*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization - UNESCO*, 2012). Permintaan ini lebih banyak berlaku di negara-negara membangun yang mempunyai kadar pengangguran yang tinggi. Isu global yang sering menjadi topik perbincangan di peringkat tertinggi di setiap negara maju dan membangun ialah berkenaan dengan masalah graduan menganggur dan kesukaran mendapatkan pekerjaan dalam kalangan mereka. *Organisation for Economic Co-operation and Development* (2019) telah mengeluarkan catatan kadar pengangguran dalam kalangan graduan berdasarkan beberapa negara seperti data yang dikeluarkan dan dicatatkan dengan kadar pengangguran graduan mengikut beberapa negara seperti Kanada (9.86%), Jerman (9.17%) dan Australia (7.08%). Selain itu, Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO), (2019) telah melaporkan bahawa golongan belia yang berumur antara 15 hingga 24 tahun di seluruh dunia mencatatkan kadar pengangguran sebanyak 12.8 %.

Tambahan pula Jabatan Perangkaan Malaysia (2020) telah mengeluarkan statistik yang menunjukkan Malaysia masih mengekalkan kadar pengangguran 3.3 peratus iaitu melibatkan 515600 orang sejak tahun 2018. Kadar pengangguran yang direkodkan dalam Laporan Tinjauan Ekonomi Kementerian Kewangan (2019) mencatatkan bahawa jumlah pengangguran yang paling tinggi pada tahun 2017 adalah terdiri daripada graduan bumiputera iaitu sebanyak 4.6 peratus berbanding dengan belia berpendidikan rendah berdasarkan Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) 2017. Faktor berlakunya pengangguran dalam kalangan graduan pada masa ini banyak bergantung kepada kemahiran kebolehsuaian kerjaya yang perlu dimiliki oleh mereka.

Keupayaan menyesuaikan diri dalam kerjaya adalah konstruk psikososial yang penting untuk menunjukkan kemahiran kesediaan kerjaya untuk mengatasi perubahan situasi kerjaya (Savickas, 1997). Pasaran buruh dalam abad ke-21 ini, amat memerlukan kebolehan seseorang menyesuaikan diri dengan kerjaya. Hal ini kerana struktur kerja tradisional memberi panduan kepada pelaksanaan struktur yang baru. Situasi ini menggambarkan bahawa individu yang tidak memiliki kemahiran kebolehsuaian kerjaya tidak mendapat perhatian dan permintaan daripada para majikan. Kebanyakan majikan pada masa ini mencari pekerja yang mempunyai pelbagai kemahiran bagi menyelesaikan pelbagai tugas dan tuntutan kerjaya dalam organisasi mereka (Barto, 2015; Idris, Zakaria, Long & Salleh 2019; Saari & Rashid, 2013). Oleh itu, tidak diragui lagi bahawa kemampuan menyesuaikan diri dalam kerjaya sangat diperlukan oleh tenaga kerja masa ini untuk mengatasi perubahan dalam kerjaya.

Perubahan drastik yang berlaku ini disebabkan oleh kesan daripada perkembangan teknologi dalam setiap bidang pekerjaan dan seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan yang baru dengan pelbagai kemahiran (Hashim & Razali, 2019; Sabatés, 2013; Stoltz, Wolff, Monroe, Farris & Mazahreh, 2013). Perkembangan yang berterusan dalam situasi kerja memerlukan perubahan dalam kemahiran kebolehsuaian kerjaya untuk melaksanakan tugas dengan berkesan. Tenaga kerja yang ada seperti graduan dan pelajar yang menganggur memerlukan kemampuan kebolehsuaian kerjaya untuk mengatasi cabaran ini. Kebolehan menyesuaikan diri dengan kerjaya memudahkan pekerja untuk menukar pekerjaan bagi mengatasi perubahan dalam tugas semasa dan mereka lebih berpuas hati dengan pekerjaan tersebut (Amin, Amir & Ismail 2019; Eshelman, 2013). Pelajar, remaja dan calon pekerja memerlukan kemahiran kebolehsuaian kerjaya untuk melancarkan proses peralihan dari alam persekolahan ke pasaran buruh. Kebolehsuaian kerjaya adalah sangat penting untuk proses persediaan kerjaya dalam kalangan pelajar berpendidikan tinggi, terutamanya pelajar pendidikan teknik dan vokasional (PTV) kerana mereka berada pada tahap yang paling sukar dalam membuat pilihan kerjaya mereka (Creed, Macpherson & Hood, 2011; Eshelman, 2013; Magruder, 2012).

Dalam hal ini adalah penting untuk membezakan beberapa istilah yang berkaitan dengan kerjaya seperti kebolehpasaran kerjaya, kemampuan menyesuaikan diri dengan kerjaya, dan kesediaan kerjaya yang digunakan dalam kajian ini. Kebolehan menyesuaikan diri dengan kerjaya menunjukkan kemampuan seseorang individu yang memerlukan pemerolehan kemahiran yang lebih luas manakala kesediaan kerjaya

merujuk kepada keadaan yang sudah bersedia untuk bekerja secara efektif. Kebolehpasaran pula merujuk sebagai kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang untuk menjadikan mereka lebih efektif di tempat kerja demi kepentingan diri sendiri, majikan, masyarakat, dan peningkatan ekonomi (Pegg, Waldock, Hendy-Isaac & Lawton, 2012; Poon, 2014). Dari sudut lain pula, kesediaan kerjaya telah digambarkan sebagai keupayaan individu untuk membuat keputusan kerjaya dengan betul (Coetzee, Ferreira & Potgieter, 2015; Sampson Jr, Mcclain, Musch & Reardon, 2013). Hal ini menjelaskan bahawa hanya terdapat sedikit perbezaan antara kebolehsuaian, kebolehpasaran dan kesediaan kerjaya. Secara ringkasnya, pelbagai kemahiran seperti kemampuan menyesuaikan diri dalam kerjaya mempunyai kaitan dengan kesediaan dan kebolehpasaran kerjaya yang diperlukan untuk menghadapi perubahan dalam pasaran buruh.

Dalam menelusuri teknologi abad ke-21, kerajaan banyak mengambil usaha dan alternatif dalam melahirkan modal insan yang berkualiti (Ahmad, Suhaili & Asri, 2013; Dawood & Musa, 2019). Hal ini termasuklah dengan membelanjakan sejumlah peruntukkan khusus untuk digunakan bagi peningkatan sistem pendidikan negara saban tahun. Kerajaan menyediakan peluang pendidikan yang sama rata kepada semua lapisan masyarakat untuk mendapat pendidikan di peringkat yang tertinggi seterusnya berupaya menjadi pekerja yang mempunyai minda kelas pertama (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Justeru itu, terdapat beberapa faktor yang dapat dilihat memberikan kesan kepada perkembangan individu dalam aspek pencapaian akademik, pembinaan sahsiah yang baik seterusnya kepada kesediaan pelajar untuk menguasai kemahiran kebolehsuaian kerjaya. Selain institusi pendidikan dan tingkah laku pelajar, faktor persekitaran seperti ibu bapa, dan pensyarah turut menjadi elemen yang dikenal pasti memberi pengaruh kepada pencapaian tersebut (Mok, 2008).

Orientasi matlamat sendiri khususnya, mampu melahirkan pelajar yang berkebolehan dan berupaya menggunakan pelbagai sumber untuk mencari maklumat yang berkaitan dengan keperluan majikan dan pasaran kerja masa ini sebagai persediaan kerjaya mereka. Tanpa keinginan yang kuat dalam diri untuk berjaya, pelajar tidak akan mempunyai sikap positif ke arah membangunkan ciri-ciri kemahiran kebolehsuaian dalam diri mereka. Menurut kajian Noorah dan Zakiah (2017), 69 peratus pelajar tahun akhir USM dan UUM menyatakan mereka tidak mempunyai matlamat untuk melibatkan diri dengan aktiviti dan program di luar bidang pengajian mereka, malahan 14.3 peratus pelajar menyatakan bahawa mereka tidak memerlukan kursus berkenaan kemahiran tersebut dan cukup sekadar dengan program pengajian yang diikuti oleh mereka.

Seseorang graduan kebiasaannya prihatin terhadap masa hadapan mereka. Hal ini dapat dinyatakan melalui sikap keprihatinan terhadap perkembangan diri, pencapaian akademik, kehidupan sosial, latar belakang keluarga, status perkahwinan, dan pilihan kerjaya. Oleh itu, perkembangan kerjaya yang dihadapi oleh graduan adalah

merangkumi keupayaan kerjaya mereka. Keprihatinan kerjaya mempunyai hubungan antara kebimbangan individu yang berkaitan dengan kehidupan pekerjaan dan kebolehsuaian kerjaya pada masa hadapan (Ebenihi, 2016).

Kejayaan seorang pelajar dalam pelajaran itu sangat dipengaruhi oleh elemen-elemen penting seperti keprihatinan, sikap yang positif dan usaha yang berterusan (Siti Sukainah, 2014). Secara ironiknya, tanpa mereka sedari kemahiran kebolehpasaran ini akan membantu mereka untuk bersaing dalam pasaran pekerjaan yang kompetitif. Sharifah Kamaliah (2008) pula menyatakan, institusi keluarga turut memainkan peranan dalam pembentukan kemahiran kebolehpasaran dalam diri pelajar. Selain daripada memberikan impak yang positif kepada pencapaian dan perkembangan kerjaya pelajar, penglibatan ibu bapa turut memainkan peranan untuk memupuk kemahiran kebolehpasaran dalam diri pelajar (Anisa Saleha, 2015).

Menurut Topor, Keane, Shelton dan Calkins (2010), terdapat dua bentuk penglibatan ibu bapa terhadap pencapaian pelajar iaitu sokongan dalam bentuk emosi dan hubungan yang dibentuk dalam persekitaran sesebuah keluarga. Manakala penglibatan ibu bapa terhadap pencapaian anak-anak menurut Epstein, Sanders, Simon, Salinas, Janson dan Van Voorhis (2002) dilihat kepada aspek keibubapaan, komunikasi, kesukarelawan, pembelajaran di rumah, membuat keputusan dan bekerjasama dengan masyarakat. Pelajar-pelajar akan berusaha untuk mencapai kejayaan jika mendapat sokongan sosial yang berterusan terutamanya daripada ibu bapa. Menurut Siti Aishah, Ramlah, Rosini dan Rahimah (2015), harapan tinggi yang diletakkan oleh ibu bapa terhadap kejayaan mereka akan memotivasikan pelajar untuk berusaha dengan lebih gigih bagi mencapai kejayaan dalam bidang yang diceburi.

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang merupakan perancangan pembangunan tempoh lima tahun dari tahun 2016 hingga 2020, salah satu agenda ialah menghasilkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran, dan memiliki sikap positif untuk terus maju dalam ekonomi global. Rancangan ini memberi fokus kepada empat bidang iaitu menambah baik kualiti sistem pendidikan bagi peningkatan *outcome* pelajar dan kecemerlangan institusi, memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat untuk meningkatkan kemahiran, menambah baik kecekapan pasaran buruh untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan mentransformasi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (PLTV) untuk memenuhi permintaan industri. Ekoran itu, tumpuan dan usaha kerajaan kepada pelaburan modal insan diteruskan dengan matlamat Model Ekonomi Baru (MEB) untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi. Dalam usaha untuk mencapai tujuan tersebut, beberapa strategi telah dirangka oleh kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran dalam kalangan belia dan kadar tenaga kerja yang rendah dalam kalangan graduan menurut Tonggak Keempat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Antara usaha yang digariskan ialah meningkatkan kualiti pendidikan, mengutamakan kualiti berbanding kuantiti dalam Pendidikan Teknikal Vokasional dan Latihan (PLTV) serta menambah baik pendidikan untuk semua rakyat. Oleh hal yang demikian, tumpuan yang terperinci akan diberikan kepada PLTV untuk mewujudkan graduan yang boleh memenuhi keperluan industri dalam pelbagai sektor (Amiruddin & Azemi, 2018).

Antara peranan utama PLTV ialah memberi fokus dan perhatian terhadap pendidikan dan latihan kemahiran yang diperlukan dalam industri dan bidang pekerjaan. Penubuhan PLTV adalah bermatlamatkan usaha dalam membentuk kemahiran kebolehsuaian seseorang individu bagi memenuhi keinginan majikan. *United Nations Educational, Scientific, and Cultural Organization (UNESCO)*, menjelaskan PLTV sebagai platform pendidikan yang mengutamakan kemahiran teknikal dan vokasional, selain daripada pendidikan umum yang merangkumi mata pelajaran sains dan teknologi serta penguasaan kemahiran praktikal, sikap, pemahaman dan pengetahuan yang berkaitan pekerjaan dalam pelbagai sektor ekonomi. PLTV bertujuan memberi peluang kepada pembentukan tenaga kerja yang mahir (Ismail, 2019; Mohd Jalil, Noor Hisham & Annas, 2015). Hal ini memberi gambaran yang jelas bahawa PLTV merupakan medium penting untuk melahirkan individu yang mempunyai kemahiran kebolehsuaian yang tinggi bagi memenuhi keperluan pasaran industri yang sentiasa berubah.

Selaras dengan perkembangan ekonomi dunia, kerajaan begitu komited dalam usaha meningkatkan kemampuan institusi PLTV untuk melahirkan modal insan yang dapat memberi persaingan dalam industri setanding dengan negara-negara maju. Dalam situasi ini, Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan yang berperanan mengenal pasti bakat dan meningkatkan kebolehan pelajar dalam bidang vokasional menurut aspirasi PPPM bagi menyediakan pendidikan yang berkualiti. Oleh hal yang demikian, pendidikan vokasional telah dinaiktaraf dengan menambah baik kewujudan sekolah menengah vokasional kepada kolej vokasional selaras dengan Transformasi Pendidikan Vokasional. Pelaksanaan ini bertujuan untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir dan memiliki kemahiran vokasional pendidikan serta nilai-nilai insaniah dengan lebih cepat (KPM, 2011).

Ekoran itu, langkah positif yang diambil oleh pihak kerajaan dengan menubuhkan kolej vokasional (KV) dapat mempengaruhi sistem pendidikan negara dalam melahirkan modal insan yang berkualiti untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi. Objektif penubuhan kolej vokasional (KV) adalah untuk menyediakan graduan yang memiliki pelbagai kemahiran dan memenuhi keperluan industri, menepati kriteria sebagai usahawan yang berjaya, mampu membentuk profesionalisme, menghayati konsep pembelajaran sepanjang hayat dan sentiasa berusaha mencapai tahap pendidikan yang lebih tinggi. Setiap individu telah melalui fasa perkembangan dalam pembelajaran mereka mengikut kesesuaian transformasi pendidikan. Oleh hal yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membentuk kurikulum KV selaras dengan keperluan industri supaya menepati hasrat majikan untuk memperoleh tenaga kerja yang memiliki kebolehsuaian kerjaya dan kemahiran vokasional dalam sesuatu bidang.

Langkah ini perlu diambil kerana kurangnya maklumat berkaitan dengan industri dalam usaha merangka sistem kurikulum PLTV dan situasi inilah yang memberikan cabaran dalam menaiktaraf pendidikan PLTV di Malaysia. Oleh itu, hasrat kementerian untuk menyediakan 70 peratus graduan KV yang dapat bekerja selepas menamatkan pengajian, 20 peratus graduan layak menyambung pengajian ke peringkat

seterusnya manakala 10 peratus lagi terdiri daripada graduan yang mampu melibatkan diri dalam bidang keusahawanan tercapai (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberikan kepercayaan kepada Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) untuk melaksanakan dasar transformasi pendidikan vokasional. Rentetan itu, dalam menguji keberkesanan pelaksanaan Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional ini, sebanyak 15 buah sekolah menengah vokasional telah terpilih untuk dinaik taraf menjadi kolej vokasional bermula pada tahun 2012. Pada tahun 2019, KPM telah berjaya melaksanakan sebanyak 85 buah KV di seluruh negara. Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) telah menyediakan 36 jenis program pengajian di bawah beberapa jabatan seperti Jabatan Seni Reka, Jabatan Perniagaan, Jabatan Teknologi Maklumat, Jabatan Teknologi Mekanikal dan Pembuatan, Jabatan Elektrik dan Elektronik, Jabatan Teknologi Awam, Jabatan Pembuatan dan Pemprosesan, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Masyarakat dan Jabatan Hospitaliti.

Pelajar lepasan peperiksaan Pentaksiran Tingkatan tiga (PT3) yang layak akan ditawarkan program pengajian selama empat tahun secara sepenuh masa oleh pihak kolej vokasional (KV). Sistem pengajian yang digunakan oleh KV ialah sistem empat semester bagi peringkat Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan empat semester di peringkat Diploma Vokasional Malaysia (DVM). BPLTV telah bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Kementerian Sumber Manusia dalam menyediakan kurikulum kolej vokasional berdasarkan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) dan berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Pengajian di KV dirangka berpandukan kepada Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) yang memberi keutamaan kepada aspek akademik dan vokasional dengan nisbah 70:30 di peringkat SVM manakala nisbah di peringkat Diploma Vokasional Malaysia (DVM) ialah 20:80 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

1.3 Pernyataan Masalah

Kini, isu berkenaan masalah graduan yang menganggur dan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai sering menjadi perbincangan hangat dalam pasaran kerja semasa. Di Malaysia, kadar pengangguran dilihat berada dalam situasi yang membimbangkan kerana terdapat peningkatan dari tahun 2019 ke tahun 2020. Hal ini demikian kerana peningkatan kadar pengangguran yang berlaku boleh menjejaskan sektor ekonomi negara. Kadar pengangguran yang dicatatkan pada Disember 2019 ialah sebanyak 3.2 peratus yang bersamaan 510,000 orang dan seterusnya meningkat kepada 3.3 peratus pada Februari 2020 iaitu seramai 515,600 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan graduan warganegara adalah sebanyak 290,282 orang di semua institusi pendidikan tinggi di Malaysia yang merangkumi Universiti Awam, Institusi Pengajian Tinggi Swasta, Politeknik, Kolej Komuniti, Kolej Vokasional, Institut Latihan Kemahiran Awam dan Institusi Pendidikan Tinggi lain. Daripada jumlah tersebut seramai 57,411 orang graduan yang masih belum bekerja. Manakala menurut kajian pengesanan graduan dalam kalangan kolej vokasional (KV), berlaku peningkatan jumlah tersebut dari tahun 2017 ke tahun 2018 iaitu daripada 20.9 peratus kepada 22.4 peratus yang bersamaan 3046 orang (Statistik Pendidikan Tinggi, 2018). Untuk mengatasi masalah ini, graduan perlulah mengambil inisiatif dengan meningkatkan pengetahuan dalam sesuatu bidang yang sesuai dengan pekerjaan yang ditawarkan kerana wujudnya persaingan yang tinggi dalam kalangan mereka.

Hasil daripada statistik yang dilaporkan, penyelidik mendapati kesepadanannya kerjaya yang rendah dalam kalangan graduan dapat dikesan kerana mereka tidak menguasai pelbagai kemahiran dalam pekerjaan (Achor, 2011; Shu'ara, 2010). UNESCO (2012) melaporkan bahawa, kemahiran kebolehsuaian kerjaya yang tidak mencukupi dalam kalangan graduan kini menyebabkan mereka terdedah kepada ketidaksuaian kemahiran dan mengalami masalah pengangguran di samping berlakunya kekurangan pekerjaan dalam pasaran kerja. Disebabkan situasi ini, UNESCO telah mencadangkan agar menyediakan kemahiran kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan graduan.

Para pengkaji berpendapat bahawa punca pengangguran atau ketidakambilan dalam kerjaya adalah kerana kurang kemahiran bekerjaya dan pendedahan kepada kerjaya (Hager, 2006). UNESCO (2012) juga melaporkan ketidakpadanan kemahiran serta tidak kompetens dalam pasaran kerjaya global, adalah disebabkan kurang kemahiran berkariyer atau kemahiran karier yang lemah.

Kemahiran kerjaya adalah keperluan yang amat tinggi dalam pasaran pekerjaan hari ini untuk menguasai perubahan drastik dalam struktur persekitaran pekerjaan (Hirshi, 2009; James et al., 2017). Majikan di seluruh dunia pada hari ini mencari dan mensasarkan pekerja yang boleh atau memiliki kemahiran kebolehsuaian kerjaya supaya boleh mengikuti perubahan tersebut dalam pertubuhan atau organisasi (Klehe, Zikic, Van Vianen, Koen & Buyken, 2012; Rashid, 2011). Hal ini sekali gus dapat menangani dan mengendalikan pelbagai tugas dengan efektif. Walau bagaimanapun, kajian berkaitan hubungan antara pemboleh ubah dengan kebolehsuaian kerjaya tidak banyak dijalankan di Malaysia. Oleh hal yang demikian, kajian berkaitan kebolehsuaian kerjaya penting untuk dijalankan dalam kalangan pelajar Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (PLTV). Maka kajian ini relevan dilaksanakan terhadap pelajar KV di Malaysia terutamanya pelajar yang berada dalam tahun akhir untuk memahami dan mengadaptasi kemahiran kebolehsuaian kerjaya.

Bersesuaian dengan cabaran-cabaran yang bakal dihadapi pada masa akan datang, pelajar PLTV perlu bersedia dengan kemampuan kebolehsuaian kerjaya untuk membolehkan mereka menghadapi cabaran tersebut setelah berkecimpung dalam dunia pekerjaan. Kebanyakan majikan menitikberatkan pekerja yang memahami

perkembangan dalam pekerjaan semasa. Oleh itu, kajian ini memfokuskan penelitian hubungan dan juga meramalkan pemboleh ubah yang menyumbang kepada kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan pelajar KV di Malaysia. Pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini adalah keprihatinan kerjaya, orientasi matlamat sendiri dan sokongan sosial.

1.4 Objektif Kajian

1.4.1 Objektif Umum

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan keprihatinan kerjaya, orientasi matlamat sendiri dan sokongan sosial terhadap kemahiran kebolehsuaian kerjaya pelajar tahun akhir program diploma yang terdapat di Kolej Vokasional di Selangor.

1.4.2 Objektif Khusus

Objektif secara khusus kajian ini adalah:

- 1 Menentukan tahap keprihatinan kerjaya, orientasi matlamat sendiri, dan sokongan sosial dalam kalangan pelajar diploma tahun akhir Kolej Vokasional di Selangor.
- 2 Menentukan tahap kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan pelajar diploma tahun akhir Kolej Vokasional di Selangor.
- 3 Mengenal pasti hubungan antara keprihatinan kerjaya, orientasi matlamat sendiri, dan sokongan sosial dengan kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan pelajar diploma tahun akhir Kolej Vokasional di Selangor.
- 4 Menentukan faktor penyumbang yang mempengaruhi kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan pelajar diploma tahun akhir Kolej Vokasional di Selangor.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah tahap keprihatinan kerjaya dalam kalangan pelajar diploma tahun akhir Kolej Vokasional di Selangor?
2. Apakah tahap orientasi matlamat sendiri dalam kalangan pelajar diploma tahun akhir Kolej Vokasional di Selangor?
3. Apakah tahap sokongan sosial dalam kalangan pelajar diploma tahun akhir Kolej Vokasional di Selangor?
4. Apakah tahap kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan pelajar diploma tahun akhir Kolej Vokasional di Selangor?

5. Adakah terdapat hubungan antara keprihatinan kerjaya dengan kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan pelajar diploma tahun akhir Kolej Vokasional di Selangor?
6. Adakah terdapat hubungan antara orientasi matlamat sendiri dengan kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan pelajar diploma tahun akhir Kolej Vokasional di Selangor?
7. Adakah terdapat hubungan antara sokongan sosial dengan kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan pelajar diploma tahun akhir Kolej Vokasional di Selangor?
8. Apakah faktor penyumbang yang mempengaruhi kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan pelajar diploma tahun akhir Kolej Vokasional di Selangor?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian dijalankan untuk mengkaji kebolehsuaian kerjaya pelajar-pelajar kolej vokasional. Rasional kajian ini adalah untuk memahami kesediaan kebolehsuaian kerjaya di peringkat kolej vokasional. Kesediaan pelajar-pelajar kolej vokasional dalam kebolehsuaian kerjaya akan dipengaruhi oleh teorikal dan praktikal dalam bidang pendidikan. Secara teorikal, kajian ini menggunakan beberapa teori untuk menguatkan beberapa pemboleh ubah yang digunakan untuk mengukur kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan pelajar kolej vokasional. Kajian ini bagaimanapun sedikit berbeza kerana ia mengukur kebolehsuaian kerjaya dari sudut pelajar berbanding kajian lain yang melihat dari sudut golongan yang telah bekerja. Secara keseluruhannya, kajian ini akan memanfaatkan untuk pelajar dan Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia.

1. Kesedaran dan pemahaman terhadap kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan pelajar kolej vokasional untuk membantu peralihan pelajar dari institusi pendidikan ke alam pekerjaan.
2. Untuk menjadikan pelajar mampu melihat keperluan mereka untuk membina kebolehan dan kemahiran adaptasi melalui pembelajaran inovatif, kerjaya kaunseling dan program intervensi.
3. Peningkatan dalam kebolehsuaian kerjaya dalam kalangan pelajar kolej vokasional akan meningkatkan penglibatan yang efektif oleh pelajar terhadap ekonomi masyarakat dan secara tidak langsung mengurangkan kadar pengangguran.
